



Cambridge IGCSE™


CANDIDATE
NAME

CENTRE
NUMBER

--	--	--	--	--

CANDIDATE
NUMBER

--	--	--	--



MALAY

0546/22

Paper 2 Reading

May/June 2022

1 hour

You must answer on the question paper.

No additional materials are needed.

INSTRUCTIONS






- Answer **all** questions.
- Use a black or dark blue pen.
- Write your name, centre number and candidate number in the boxes at the top of the page.
- Write your answer to each question in the space provided.
- Do **not** use an erasable pen or correction fluid.
- Do **not** write on any bar codes.
- Dictionaries are **not** allowed.

INFORMATION

- The total mark for this paper is 45.
- The number of marks for each question or part question is shown in brackets [].

This document has **12** pages. Any blank pages are indicated.

1 Lihat gambar-gambar berikut.



Tulis huruf yang betul (**A–F**) di dalam kotak jawapan yang betul.

(a) James suka menangkap gambar.

[1]

(b) Amna berkelah di taman bunga dengan kawan.

[1]

(c) Suan Li suka bermain lompat tali.

[1]

(d) Meera suka melihat burung.

[1]

(e) Ella meluangkan masa untuk melukis.

[1]

[Jumlah: 5]

2 Lihat papan-papan tanda ini.

Di bandar



A



B



C



D



E



F



G



H

Bagi setiap kenyataan, tulis huruf yang betul (**A–H**) dalam kotak.

(a) Datang ke sini untuk meminjam buku.

[1]

(b) Kanak-kanak suka pergi ke tempat ini.

[1]

(c) Saya datang ke sini untuk mengirim bungkusan.

[1]

(d) Ada maklumat di sini untuk pelawat asing.


[1]

(e) Anda boleh minum kopi di sini.

[1]

[Jumlah: 5]

3 Baca e-mel berikut dengan teliti. Tanda (✓) pada jawapan yang betul.



(a) Chan akan ... di London.

A bekerja

B bersekolah

C bercuti

[1]

(b) Aru ingin mengadakan majlis dengan ...

A rakan-rakan.

B ahli keluarga.

C guru-guru.

[1]

(c) Semasa waktu lapang, Chan suka ...

A membaca buku.

B mendengar muzik.

C bermain sukan.

[1]

(d) Kasut Chan ...

A hilang.

B rosak.

C ketat.

[1]

(e) Aru mahu Izham tanya tentang ...

A hadiah yang Chan mahu.

B tarikh Chan akan berangkat.

C ukuran kaki Chan.

[1]

(f) Apakah cadangan lain Aru sebagai hadiah?

A Pakaian

B Dompet

C Permainan video

[1]

(g) Bilakah mereka akan memberi hadiah itu kepada Chan?


A Minggu depan.

B Hari dia tamat sekolah.

C Hari dia berlepas ke London.

[1]

[Jumlah: 7]

4 Baca e-mel di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

- (a) Bilakah Faris mahu Ramesh datang tinggal dengannya?
 [1]
- (b) Di manakah pusat aktiviti untuk remaja akan dibuka?
 [1]
- (c) Bagaimanakah Faris mendapat tahu tentang bengkel di pusat itu?
 [1]
- (d) Apakah kursus yang Faris ingin ikuti di pusat tersebut?
 [1]
- (e) Siapakah yang akan membayar yuran untuk Faris?
 [1]
- (f) Apakah yang ditawarkan dengan pendaftaran awal?
 [1]
- (g) Bagaimanakah bengkel media sosial dapat membantu Ramesh?
 [1]
- (h) Apakah kelebihan menghadiri hari terbuka di pusat itu? Berikan **dua** jawapan.
 1. [1]
 2. [1]
- (i) Mengapakah Amirul tidak dapat menyertai hari terbuka itu?
 [1]
- (j) Apakah pekerjaan kakak Amirul?
 [1]
- (k) Apakah cadangan Faris sebelum Ramesh pulang ke rumahnya?
 [1]

[Jumlah: 12]


[Turn over

5 Baca kenyataan-kenyataan (a–e) dan iklan (1–8).


Tempat manakah yang setiap orang harus pilih untuk majlis atau perayaan mereka?

Bagi setiap kenyataan (a–e) tulis nombor yang betul (1–8) di atas garisan.


Meraikan kawan-kawan dan keluarga

a  RATNA: Saya sedang merancang sesuatu untuk hari jadi ke-10 adik saya. Dia sangat suka semua haiwan dan untuk hari jadinya dia ingin mencuba menunggang kuda.


.....

b  SEAN: Bapa akan bersara hujung bulan ini. Dia suka makanan yang enak! Kami sekeluarga ingin membawa bapa makan di restoran yang menyediakan masakan ketam sebab itu adalah kegemarannya.


.....

c  MING: Abang saya akan pulang bercuti selepas berada di Eropah selama tiga tahun. Kami mahu mencari tempat untuk bersantai bersama-sama pada hujung minggu di tempat kami boleh berenang.

.....

d  SWEE CHIN: Kakak mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaannya. Hadiah yang dia inginkan adalah tiket untuk menonton persembahan muzik tradisional kegemarannya.

.....

e  RINA: Saya ada empat sahabat baik yang sama-sama bersekolah sejak umur kami 7 tahun. Kami mahu meraikan persahabatan kami yang genap 10 tahun. Kami mencari kawasan perkhemahan untuk tujuan ini.

.....

1

Motel Cenang – Segala yang anda perlukan untuk keluarga anda, kawan-kawan anda atau teman-teman sekerja ada di sini. Motel ini menyediakan bukan sahaja penginapan tetapi juga aktiviti beriadah sambil anda menikmati keindahan di tepi pantai.

2

Dewan Hang Tuah – Konsert dari Malaysia dan negara-negara jiran dipersembahkan oleh pemuzik-pemuzik terkenal dari rantau ini. Tempahlah tiket anda sekarang untuk menikmati keindahan irama tradisional serantau di dewan ini pada 10 & 12 Disember.

3

Kem D' Tapak – Kalau anda suka aktiviti luar, inilah tempatnya. Aktiviti-aktiviti yang disediakan termasuk memamah, berkayak, mendaki gunung dan banyak lagi. Kami juga menyediakan khemah untuk penginapan dan keperluan asas lain.

4

Kalau anda gemar makanan yang lazat, datanglah beramai-ramai ke Restoran Sup Sejati. Kami ada pelbagai jenis sup. Kami juga menawarkan makanan tempatan lain seperti nasi ayam madu dan rojak buah.

5

Bawalah keluarga anda ke Ladang Buah-buahan Bintang. Anda sekeluarga boleh memetik sendiri buah-buahan kegemaran anda seperti mangga dan rambutan. Kanak-kanak boleh bermain dengan haiwan ternakan kami yang jinak.

6

Restoran Marinara menyediakan makanan laut yang segar. Kami bukan sahaja menghidangkan masakan ketam bakar yang sedap, kami juga menawarkan udang dan sotong goreng! Banyak hidangan yang menyelerakan! Tempah meja kalau anda tidak mahu kecewa.

7

Pernahkah anda berhasrat untuk melancong ke Eropah? Inginkah anda mengetahui lebih lanjut tentang cara hidup masyarakat di sana? Datanglah ke Pusat Budaya Eropah pada hujung minggu ini. Terdapat pelbagai acara hiburan termasuklah tayangan filem dan pertunjukan muzik moden.

8

Taman Haiwan ABC menawarkan pengalaman istimewa untuk seluruh keluarga; anda boleh bersiar-siar dan bermain dengan haiwan peliharaan kami di sini. Haiwan-haiwan kami sangat jinak. Anda juga berpeluang memberi makan kepada haiwan dan menunggang kuda.

[Jumlah: 5]

6 Baca blog di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya dalam **Bahasa Melayu**.

Saya tidak pernah melepaskan peluang untuk melawat Pak Uda, bapa saudara saya, di Kampung Bukit, jauh dari kesibukan dan kebisingan kota. Saya suka suasana yang tenang dan udara segar.

Jadi, bila Pak Uda minta saya pergi menolongnya berkebun, saya tidak membuang masa lagi. Dalam perjalanan, boleh dirasai fikiran saya beransur tenang. Tak sabar rasanya untuk berada dalam persekitaran kehijauan.

Selepas bersara, Pak Uda membeli ladang besar jauh dari bandar yang penuh dengan bangunan besar dan kesesakan jalan raya. Dia menanam pokok-pokok di ladangnya. Dia menyokong usaha penanaman semula yang bertujuan untuk menstabilkan iklim. Dia mahu memainkan peranannya menjaga persekitaran.

Selama ini, pokok-pokoknya kekeringan akibat kemarau panjang atau dilanda banjir. Katanya, semua ini disebabkan oleh pemanasan global. Susah untuk merancang tanaman pokok kalau cuaca tidak menentu.

Pak Uda telah merancang bagaimana untuk mengisi setiap masa dalam tempoh dua minggu saya bersamanya. Katanya, kami perlu sediakan kawasan untuk menanam anak-anak pokok buah-buahan. Saya setuju untuk sumbangkan tenaga untuk ladang buah-buahan Pak Uda kerana saya mahu menikmati buah-buahan ini dalam persekitaran yang nyaman dalam masa sepuluh tahun lagi.

Anak-anak pokok ini sudah dibeli dari ladang yang, katanya, akan dijadikan kawasan kilang. Ramai penduduk gembira kerana mereka boleh bekerja di kilang. Tetapi Pak Uda dapat bayangkan sisa kimia dan sampah dari kilang yang akan mengalir ke dalam sungai dan meracuni ikan-ikan.

Di rumah Pak Uda, saya terkejut melihat sepupu-sepupu yang sebaya dengan saya juga di sana. Dengan tenaga lima orang anak muda yang sama-sama prihatin tentang alam sekitar, kami dapat membantu Pak Uda.

Kerja bermula selepas kenyang makan sarapan yang dimasak oleh Mak Cik kami. Kami semua tidak sabar untuk bekerja keras. Pak Uda mahu kami rasai pengalamannya membesar di ladang datuk kami.

Walaupun penat, selepas dua minggu, kami bangga melihat anak-anak pokok yang berderet-deret di kebun Pak Uda. Kepuasan yang dapat dirasakan ialah sumbangan kami untuk menghijaukan semula persekitaran yang semakin diancam oleh pembangunan. Sebelum pulang, Pak Uda dengan senyum lebar, memberitahu bahawa rancangan membina kilang dibatalkan disebabkan bantahan ramai.

(a) Mengapakah penulis suka melawat bapa saudaranya?

..... [1]

(b) Apakah perubahan yang dirasai dalam perjalanan?

..... [1]

- (c) Mengapakah Pak Uda begitu bersemangat untuk berkebun? Beri **dua** jawapan.
1. [1]
2. [1]
- (d) Menurut Pak Uda, apakah berlaku akibat pemanasan global? Beri **dua** jawapan.
1. [1]
2. [1]
- (e) Mengapakah penulis menolong Pak Uda menanam pokok-pokok buahnya?
- [1]
- (f) Apakah kebimbangan Pak Uda tentang rancangan pembinaan kilang di situ? Beri **satu** jawapan.
- [1]
- (g) Siapakah lagi yang ada untuk membantu Pak Uda?
- [1]
- (h) Apakah yang menyediakan mereka untuk bekerja keras di kebun setiap hari?
- [1]
- (i) Apakah berita baik yang Pak Uda terima sebelum penulis dan sepupu-sepupunya pulang ke bandar?
- [1]

[Jumlah: 11]

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.